



## SIARAN AKHBAR

### BERWASPADA TERHADAP SIJIL BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK PALSU

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah mengambil perhatian mengenai imej sijil "Shariah Compliant Banking Certificate" yang kononnya dikeluarkan oleh BDCB dan memperakui pemerbadanan sebuah syarikat di Brunei Darussalam. Sehubungan dengan ini, BDCB ingin menegaskan bahawa sijil tersebut adalah palsu dan tidak dikeluarkan oleh BDCB.
2. BDCB menyarankan kepada orang ramai untuk sentiasa berwaspada terhadap penyalahgunaan nama dan logo BDCB untuk tujuan memperdaya orang ramai.
3. Pihak BDCB juga ingin menekankan bahawa sesiapa yang menggunakan nama, simbol, rekabentuk atau gambaran BDCB tanpa kebenaran bertulis atau menggunakan nama, simbol, rekabentuk atau gambaran BDCB yang serupa atau menyerupai nama, simbol, rekabentuk atau gambaran BDCB yang bertujuan sama ada untuk memperdaya, menipu, menyebabkan kekeliruan atau berkemungkinan untuk memperdaya, menipu, atau menyebabkan kekeliruan adalah merupakan kesalahan di bawah Bab 74A Perintah Brunei Darussalam Central Bank, 2010, dan jika sabit kesalahan, boleh dihukum denda tidak melebihi BND20,000, penjara tidak melebihi tujuh (7) tahun, atau kedua-duanya sekali.
4. Dalam hal ini, BDCB juga ingin menasihatkan orang ramai untuk tidak berurus dengan sebarang entiti yang tidak berlesen yang menawarkan perkhidmatan kewangan. Orang ramai dinasihatkan untuk hanya berurus dengan bank-bank dan syarikat kewangan yang berlesen. Senarai institusi-institusi kewangan yang dilesenkan oleh BDCB serta BDCB Alert List boleh didapati di laman web BDCB di [www.bdcb.gov.bn](http://www.bdcb.gov.bn).
5. Orang ramai dinasihatkan untuk membuat laporan dengan segera kepada Pasukan Polis Diraja Brunei di balai polis berhampiran, atau melalui 993 jika telah menjadi mangsa aktiviti kewangan yang tidak berlesen. Orang ramai juga boleh memaklumkan pihak BDCB mengenai sebarang entiti/individu yang disyaki menawarkan perkhidmatan kewangan tanpa lesen dengan menghubungi Isu Pengguna Kewangan, BDCB di +673 8380007 atau melalui emel [fci@bdcb.gov.bn](mailto:fci@bdcb.gov.bn).
6. BDCB akan terus mengutamakan kestabilan kewangan domestik dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di Negara Brunei Darussalam. BDCB, dengan kerjasama pihak berkuasa yang berkaitan, juga sentiasa memantau aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di negara ini.

Brunei Darussalam Central Bank

Date: 22 Sya'ban 1446H/ 21 Februari 2025M

Reference: BDCB/COMMS/3

BDCB mempunyai empat objektif utama iaitu untuk: mencapai dan mengekalkan kestabilan harga domestik; memastikan kestabilan sistem kewangan, melalui peraturan kewangan dan piawaian yang berhemat; membantu dalam mengadakan sistem pembayaran yang cekap; dan menggalakkan dan mengembangkan sektor perkhidmatan kewangan yang kukuh serta progresif.